

INTAN MANAGEMENT JOURNAL

GARIS PANDUAN DAN FORMAT PENULISAN MANUSKRIP

A. Panduan Umum

- *INTAN Management Journal (IMJ)* merupakan *refereed journal* yang diterbitkan secara berkala oleh Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN). IMJ berperanan penting dalam mempromosikan kajian dan penyelidikan serta penyebaran maklumat terutamanya yang berkaitan dengan pembangunan dan pengurusan perkhidmatan awam Malaysia.
- Fokus utama IMJ antara lain merangkumi bidang Pengurusan Awam, Strategi dan Dasar Perniagaan, Keusahawanan, Inovasi, Pengurusan Sumber Manusia, Pembangunan Organisasi, Teori Organisasi dan Kaedah Penyelidikan.
- IMJ menerbitkan artikel-artikel yang dihasilkan dalam **Bahasa Melayu** dan **Bahasa Inggeris**.
- Penulisan yang bersifat empirikal, asli dan tidak pernah diterbitkan dalam apa-apa bentuk penerbitan sahaja akan dipertimbangkan untuk dimuatkan dalam IMJ.
- Penulis hendaklah memastikan bahawa manuskrip yang sama tidak dikemukakan untuk pertimbangan penerbit lain ketika menyerahkan manuskrip mereka kepada sidang editorial IMJ.
- Fakta dan hasil penemuan yang dibincangkan dalam manuskrip adalah menjadi tanggungjawab penulis dan pendapat penulis tidak menggambarkan pandangan dan dasar INTAN atau Kerajaan Malaysia.
- Penulis hendaklah memastikan bahawa manuskrip mereka ditulis berdasarkan kepada garis panduan dan format yang ditetapkan. Manuskrip yang gagal memenuhi syarat tersebut tidak akan dipertimbangkan untuk penerbitan.
- Setiap manuskrip akan dinilai dan diulas secara *single blind review* oleh *reviewer* yang dilantik oleh sidang editorial sebelum diterima untuk penerbitan.
- Tarikh akhir penyerahan manuskrip adalah **31 Julai 2025**. Manuskrip yang diterima selepas tarikh tutup tidak akan dipertimbangkan untuk IMJ Vol. 21, No. 1, 2025. Namun begitu, tertakluk kepada persetujuan sidang editorial, manuskrip tersebut boleh dipertimbangkan bagi penerbitan IMJ Vol. 22, No. 1, 2026.

B. Format

- Manuskrip hendaklah ditaip menggunakan *font size 12 Times New Roman, double-spacing* (termasuk rujukan, lampiran, jadual dan angka) dengan *left-hand margin* satu inci (2.54 sentimeter).
- Halaman tajuk perlu disertakan dan harus merangkumi judul artikel, nama penulis, afiliasi serta alamat rumah dan nombor telefon penulis.
- Manuskrip hendaklah dikemukakan dalam format Microsoft Word (.doc/.docx) sahaja.
- Nombor muka surat hendaklah dimasukkan di sebelah kanan bahagian bawah setiap halaman.
- Bagi manuskrip yang ditulis dalam Bahasa Inggeris, sila pastikan ejaan adalah mengikut *British (United Kingdom) spelling*.
- Panjang manuskrip hendaklah sekurang-kurangnya 5,000 patah perkataan tetapi tidak melebihi 8,000 patah perkataan. Keseluruhan manuskrip hendaklah tidak kurang daripada 10 muka surat tanpa mengambil kira lampiran.

C. Abstrak

- Setiap manuskrip hendaklah disertakan dengan satu **abstrak** yang panjangnya tidak melebihi **150 patah perkataan** dan mestilah ditulis dalam **satu perenggan** sahaja. Permulaan abstrak mestilah mengandungi gambaran yang jelas tentang objektif kajian sama ada untuk menguji hipotesis tertentu atau mencari penyelesaian kepada pernyataan masalah. Ini diikuti dengan pernyataan bagaimana proses kajian atau metodologi kajian tersebut dilakukan.
- Senarai kata kunci (*keywords*) juga perlu dimasukkan di bawah abstrak bagi membolehkan pembaca mengenal pasti kandungan artikel tersebut.
- Bagi manuskrip yang ditulis dalam **Bahasa Melayu**, penulis hendaklah menyediakan **abstrak** di dalam **Bahasa Melayu** dan **Bahasa Inggeris**.

D. Kandungan

- Tajuk dan sub-tajuk mestilah diasingkan dan diperlihatkan dengan jelas supaya mudah dibaca.
- Analisis, pengiraan dan data statistik, sekiranya boleh, hendaklah

dimasukkan dalam halaman lampiran.

- Penulis adalah bertanggungjawab bagi memastikan sebarang imej atau ilustrasi yang digunakan dalam manuskrip adalah muktamad (*camera-ready copy*). Jika hak cipta dipegang oleh pihak lain, penulis hendaklah mendapatkan kebenaran untuk menggunakan imej atau ilustrasi tersebut terlebih dahulu daripada pihak terbabit sebelum mengemukakan manuskrip untuk tujuan penerbitan.
- Penulis bertanggungjawab untuk menyemak dan memastikan semua maklumat seperti petikan (*quotations*), tajuk, nama dan tarikh adalah betul dan teratur sebelum menghantar manuskripnya.

E. Citations dan Rujukan

- Bagi *in-text citations* dan rujukan, penulis boleh memilih format APA 7, MLA 8, Harvard atau Chicago. Namun begitu penulis hendaklah memastikan bahawa gaya *citation* dan rujukan yang dipilih digunakan secara konsisten dalam keseluruhan manuskrip.
- Bagi rujukan dalam internet, pautan URL yang lengkap serta tarikh pautan tersebut diakses hendaklah dinyatakan dengan jelas.

Manuskrip yang lengkap berserta **Borang Keizinan Penerbitan Artikel (Lampiran A)** yang telah ditandatangani dalam bentuk *softcopy* hendaklah dihantar ke:
intanmj@intanbk.intan.my

Untuk sebarang maklumat lanjut, sila hubungi:

Dr. Periasamy Gunasekaran
Felo Penyelidik Kanan
Pusat Penyelidikan dan Konsultasi
INTAN Kampus Utama Bukit Kiara
Jalan Bukit Kiara
50480 Kuala Lumpur
Malaysia

Tel: 03-2084 7322
E-mel: *samy@intanbk.intan.my*

Urus Setia IMJ
Pusat Penyelidikan dan Konsultasi
INTAN Kampus Utama Bukit Kiara
Jalan Bukit Kiara
50480 Kuala Lumpur
Malaysia

Tel: 03-2084 7363 / 7561
E-mel: *intanmj@intanbk.intan.my*